



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,**

Perlindungan pemberi maklumat adalah penting untuk memastikan pemberi maklumat merasa selamat dan yakin untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan, salah laku, atau penyelewengan yang mereka saksikan atau alami di tempat kerja. Kita juga perlu menghormati kerahsiaan pemberi maklumat dan memastikan bahawa mereka tidak akan menghadapi sebarang tindakan balas atau gangguan yang merugikan.



Sehubungan itu, Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini telah dirangka khas untuk memberi panduan dan arahan jelas mengenai perlindungan pemberi maklumat di kalangan warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Seluruh warga KPM perlu memahami Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini dengan teliti dan hendaklah melaporkan melalui saluran yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam polisi ini sekiranya mengetahui sebarang ketidakpatuhan atau salah laku di tempat kerja.

Saya ingin menegaskan bahawa maklumat yang diberikan akan ditangani dengan telus, adil dan profesional.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI

PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Assalamualaikum WBT
dan Selamat Sejahtera,**

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Pendidikan Malaysia dibangunkan untuk memastikan bahawa pemberi maklumat (*whistleblower*) dilindungi dan terhindar daripada sebarang tindakan balas yang merugikan.



Polisi ini melindungi pemberi maklumat yang memberikan maklumat atau aduan yang sahih dan berasaskan fakta mengenai sebarang kesalahan atau salah laku yang berlaku di KPM. Pemberi maklumat boleh dilindungi daripada sebarang tindakan balas dalaman selaras syarat yang ditetapkan.

Justeru, saya menggesa semua warga KPM untuk memahami dan mematuhi polisi ini bagi memastikan integriti dan kepercayaan awam terhadap KPM kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PUAN SITI ZAKIAH BINTI CHE MAN

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PEMAKAIAN	2
4. TAKRIFAN	2
5. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT	4
6. BENTUK-BENTUK KESALAHAN YANG BOLEH DIADUKAN	4
7. BILAKAH PENYALURAN MAKLUMAT DIBOLEHKAN	4
8. KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT	5
9. BAGAIMANA CARA PENYALURAN MAKLUMAT ATAU ADUAN BOLEH DILAKUKAN	5
10. PERLINDUNGAN	6
11. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI YANG DIBERI KUASA	7
12. PEMBATALAN PERLINDUNGAN	8
13. PERTANYAAN	8
14. PENGUATKUASAAN	8

1. TUJUAN

- 1.1 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman tentang perlindungan kepada Pemberi Maklumat serta memberikan pendedahan tentang aliran penyaluran maklumat atau aduan ke Unit Integriti di KPM.
- 1.2 Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KPM ini juga adalah sebagai galakan kepada Pemberi Maklumat untuk menyalurkan maklumat atau aduan Kesalahan Tata tertib Warga KPM kepada Pegawai Yang Diberi Kuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memperkenalkan beberapa saluran pengurusan aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Pusat Panggilan Setempat (*Malaysia Government Call Centre*, MyGCC) dan MySMS 15888 bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan berkaitan Kementerian/ Jabatan/ Agensi.
- 2.2 Mana-mana orang boleh memberi maklumat dan sebagai pemberi maklumat mereka boleh dilindungi secara pentadbiran atau melalui peruntukan undang-undang sedia ada.
- 2.3 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah digubal sebagai galakan dan untuk memudahkan orang ramai mengemukakan aduan berkenaan kelakuan tidak wajar sama ada di sektor awam atau sektor swasta tanpa perlu khuatir terhadap kesan yang memudaratkan.

- 2.4 Selaras dengan peruntukan Akta 711, meskipun KPM bukanlah sebuah agensi penguatkuasaan namun KPM mengambil inisiatif merangka Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KPM (selepas ini dirujuk sebagai “Polisi Perlindungan KPM”) untuk memberikan perlindungan secara pentadbiran kepada Pemberi Maklumat yang menyalurkan maklumat atau aduan mengenai Kesalahan Tatatertib yang melibatkan Warga KPM.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini hendaklah dijadikan panduan kepada warga KPM, agensi di bawah KPM, pemegang taruh/pihak berkepentingan dan pihak ketiga yang berurusan dengan warga KPM dan agensi di bawahnya.

4. TAKRIFAN

Pemberi Maklumat

Mana-mana orang sama ada penjawat awam warga KPM atau bukan warga KPM atau orang awam yang menyalurkan maklumat atau aduan Kelakuan Tidak Wajar Warga KPM.

Warga KPM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KPM juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Ahli Lembaga Pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KPM.

Kuasa Memberi Perlindungan

Ketua Setiausaha KPM bagi konteks perlindungan secara pentadbiran dalam polisi ini.

Pegawai Yang Diberi Kuasa

Pegawai Unit Integriti KPM yang dilantik oleh Ketua Setiausaha KPM.

Kesalahan Tatatertib

Apa-apa tindakan atau tinggalkan yang terjumlah kepada pelanggaran tatatertib oleh warga KPM sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau kontrak kerja termasuk pelanggaran Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Tahun 1993.

Kesalahan Jenayah

Apa-apa tindakan atau tinggalkan yang terjumlah kepada pelanggaran jenayah oleh warga KPM sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang jenayah sebagai contoh Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234], Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] dan sebagainya.

Maklumat

Data atau fakta yang diperolehi daripada pelbagai sumber berbentuk teks, gambar, bunyi atau sebarang bentuk media yang boleh diserap atau direkod oleh manusia atau mesin.

Aduan

Tindakan menyuarakan ketidakpuasan, kebimbangan atau masalah terhadap sesuatu perkara atau perkhidmatan kepada pihak yang berkenaan termasuk pihak berkuasa, organisasi atau individu secara rasmi.

5. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT

Penyaluran maklumat atau aduan mengenai Kesalahan Tatatertib yang melibatkan warga KPM boleh dilakukan oleh mana-mana orang sama ada warga KPM atau bukan warga KPM.

6. BENTUK-BENTUK KESALAHAN YANG BOLEH DIADUKAN

- 6.1 Penyaluran maklumat atau aduan boleh dibuat mengenai Kesalahan Tatatertib yang melibatkan warga KPM.
- 6.2 Sebarang penyaluran maklumat atau aduan mengenai Kesalahan Jenayah yang melibatkan warga KPM akan terus diserahkan kepada agensi penguat kuasa yang berkaitan.

7. BILAKAH PENYALURAN MAKLUMAT DIBOLEHKAN

Penyaluran maklumat atau aduan oleh Pemberi Maklumat boleh dilakukan pada bila-bila masa.

8. KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi Maklumat harus tampil, dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah, sedar dan yakin bahawa sesuatu kesalahan/salah laku tatatertib dijangka berlaku, sedang dan telah berlaku.

9. BAGAIMANA CARA PENYALURAN MAKLUMAT ATAU ADUAN BOLEH DILAKUKAN

- 9.1 Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat atau aduan mengenai Kesalahan Tatatertib Warga KPM kepada Pegawai Yang Diberi Kuasa melalui saluran yang berikut:
 - 9.1.1 E-mel : whistleblower.ui@moe.gov.my; atau
 - 9.1.2 Menghubungi talian : 03-8884 7780 / 03-8884 7773; atau
 - 9.1.3 Bersemuka dengan Pegawai Yang Diberi Kuasa.
- 9.2 Sekiranya penyaluran maklumat atau aduan dibuat melalui e-mel atau panggilan telefon, Pemberi Maklumat digalakkan menyatakan nama, identiti, alamat dan nombor telefon Pemberi Maklumat.
- 9.3 E-mel atau panggilan telefon yang TIDAK menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, alamat dan nombor telefon Pemberi Maklumat adalah TIDAK LAYAK untuk diberikan perlindungan di bawah Polisi Perlindungan KPM.
- 9.4 Walau bagaimanapun maklumat atau aduan daripada individu tanpa identiti (*anonymous*) akan diambil tindakan.

- 9.5 Dalam situasi sekiranya Pegawai Yang Diberi Kuasa terlibat dengan Kesalahan Tatatertib atau mempunyai kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dalam Kesalahan Tatatertib, penyaluran maklumat atau aduan boleh dibuat terus kepada Ketua Unit Integriti (KUI), KPM.
- 9.6 Dalam situasi sekiranya KUI KPM terlibat dalam Kesalahan Tatatertib atau mempunyai kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan Kesalahan Tatatertib, penyaluran maklumat atau aduan boleh dibuat kepada Pegawai Yang Diberi Kuasa dan Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah melaporkan terus kepada Ketua Setiausaha KPM.

10. PERLINDUNGAN

Di bawah Polisi Perlindungan KPM ini, Pemberi Maklumat akan menerima perlindungan yang berikut:

- 10.1 Pemberi Maklumat yang merupakan Warga KPM :
- 10.1.1 Identiti dan maklumat peribadi akan dirahsiakan dan dilindungi serta diklasifikasikan sebagai "Sulit".
- 10.1.2 Akan dilindungi secara pentadbiran dari sebarang tindak balas dalaman KPM kerana penyaluran maklumat yang dilakukan. Walau bagaimanapun kelulusan memberi perlindungan tertakluk kepada syarat:
- Mana-mana aduan bersifat salah guna kuasa, salah laku jenayah, salah laku kewangan
 - Maklumat diberi secara suci hati (tiada sebarang bentuk kepentingan peribadi)
- 10.1.3 Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan Orang Yang Diadukan hanya akan diketahui oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa sahaja.

10.1.4 Sekiranya Pemberi Maklumat menghadapi tindakan yang memudaratkan kesan daripada penyaluran maklumat atau aduan, Pemberi Maklumat boleh melaporkan tindakan yang memudaratkan itu kepada Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk pertimbangan pegawai yang berkuasa.

10.1.5 Pemberi maklumat boleh juga mengadu terus kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan perlindungan undang-undang.

10.2 Pemberi Maklumat bukan Warga KPM:

10.2.1 Identiti dan maklumat peribadi akan dirahsiakan dan dilindungi serta diklasifikasikan sebagai "Sulit".

10.2.2 Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan Orang Yang Diadukan hanya akan diketahui oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa sahaja.

10.2.3 Pemberi maklumat boleh juga mengadu terus kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan perlindungan undang-undang.

11. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI YANG DIBERI KUASA

- 11.1 Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah memastikan identiti pemberi maklumat dan maklumat atau aduan yang disalurkan oleh pemberi maklumat dirahsiakan dan tidak didedahkan kepada sesiapa pun.
- 11.2 Sekiranya untuk tujuan siasatan, Pegawai Penyiasat hendaklah berhubung dengan Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk mendapatkan maklumat atau dokumen lanjut daripada pemberi maklumat.

12. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

Sekiranya Pemberi Maklumat menyalurkan maklumat atau aduan bercanggah seperti di perenggan 8 atau Pemberi Maklumat sendiri yang mendedahkan dirinya, perlindungan terhadap Pemberi Maklumat dalam Polisi Perlindungan KPM ini akan terbatal dengan serta-merta.

13. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)

14. PENGUATKUASAAN

Polisi ini berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2023.



**Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 12, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
E-mel: integriti@moe.gov.my



Unit Integriti KPM